

Ekonomi berkembang 4.3%

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 NOV.

EKONOMI Malaysia berkembang 4.3 peratus pada suku ketiga 2016 berbanding 4.2 peratus bagi suku sebelumnya disokong terutama oleh peningkatan berterusan perbelanjaan sektor swasta dan sokongan tambahan daripada eksport bersih.

Gabenor Bank Negara, Datuk Muhammad Ibrahim berkata, penggunaan swasta meningkat 6.4 peratus berbanding 6.3 peratus pada suku sebelumnya disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga yang berterusan serta kenaikan gaji minimum berkuat kuasa 1 Julai 2016.

Katanya, pelaburan swasta mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7 peratus pada suku ketiga disokong terutama oleh perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan.

"Secara keseluruhan, permintaan dalam negeri meningkat pada kadar lebih sederhana apabila pertumbuhan perbelanjaan awam yang perlahan lebih daripada mengimbangi pertumbuhan aktiviti sektor swasta yang mapan," katanya dalam sidang akhbar pertumbuhan ekonomi Malaysia suku ketiga 2016 di sini hari ini.



vm 12/11

Secara keseluruhan, permintaan dalam negeri meningkat pada kadar lebih sederhana apabila pertumbuhan perbelanjaan awam yang perlahan lebih daripada mengimbangi pertumbuhan aktiviti sektor swasta yang mapan."

MUHAMMAD IBRAHIM
Gabenor Bank Negara

Prestasi suku ketiga itu meletakkan sasaran untuk mencapai pertumbuhan antara empat hingga 4.5 peratus. Pada suku pertama 2016, ekonomi Malaysia berkembang empat peratus manakala suku kedua, 4.2 peratus.

Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 1.5 peratus berbanding 0.7 peratus pada suku kedua.

Pertumbuhan penggunaan awam menjadi sederhana kepada 3.1 peratus pada suku ketiga berbanding 6.5 peratus pada suku kedua 2016 disebabkan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah, mengimbangi sebahagian daripada perbelanjaan yang lebih tinggi untuk emulumen.



Pertumbuhan pelaburan awam menguncup 3.8 peratus berbanding 7.5 peratus pada suku kedua 2016 disebabkan terutama perbelanjaan lebih rendah untuk aset tetap oleh Kerajaan Persekutuan.

Sementara itu, kadar inflasi pada suku ketiga pula tumbuh sederhana 1.3 peratus. Kadar pengangguran pula berada pada 3.5 peratus dan hutang isi rumah berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KNDK) adalah 88.7 peratus.

Menurut Muhammad, walaupun ekonomi negara kekal berdaya tahan tetapi BNM akan terus memantau dengan teliti perkembangan luar yang akan terus memberi kesan ketara terhadap sentimen pelabur dan ketidak-tentuan dalam pasaran kewangan domestik.

"Ini termasuk meningkatnya ketidak-tentuan terhadap pelaburan dasar dan pertumbuhan dalam ekonomi utama, harga komoditi yang tidak menentu dan perkembangan di United Kingdom (UK) selepas referendum Kesatuan Eropah. Sistem kewangan domestik, bagaimanapun, dijangka terus stabil," katanya.

Ditanya tentang keyakinan kerajaan untuk mencapai bajet seimbang menjelang 2020, beliau berkata, langkah-langkah yang dilaksanakan kerajaan setakat ini mencatat pencapaian ketara apabila defisit fiskal berkurangan daripada 6.7 peratus kepada 3.1 peratus dan seterusnya sasaran tiga peratus pada 2017.

Mengenai kesan pemilihan Donald Trump sebagai Presiden AS, Muhammad menjelaskan, masih terlalu awal untuk membuat sebarang penilaian tetapi sebagai negara ekonomi, ia harus kekal berdaya tahan untuk menyerap kejutan luaran dan mungkin perlu membuat sedikit pengubahsuaian terhadap sebarang perubahan dasar AS.

Dari segi Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) pula, beliau memberitahu, ekonomi Malaysia tidak akan menerima kesan ketara sekiranya perjanjian dagangan yang diterajui AS itu gagal dimuktamadkan kerana negara telah menunjukkan prestasi ekonomi yang cukup baik setakat ini.